

27/09/2001

Kerajaan negeri ikrar manfaat peruntukan

ak; Amirullah Andi Nur; Abdul Razak Raaff

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan negeri berikrar membelanjakan peruntukan daripada tambahan RM4.3 bilion sebelum akhir tahun ini, untuk merangsang kegiatan ekonomi serta menambah peluang perniagaan kepada rakyat.

Di JOHOR BAHRU, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata kerajaan negeri akan memastikan tidak berlaku kes projek tergendala sehingga menjejaskan pertumbuhan ekonomi.

Sambil mengalu-alukan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai pakej baru bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negara semalam, beliau berkata, ia banyak memberi manfaat kepada kontraktor tempatan terutama Kelas F.

"Kerajaan negeri juga mengalu-alukan peruntukan bagi menyediakan latihan kemahiran kepada pekerja yang diberhentikan kerana dianggarkan kira-kira 7,000 pekerja negeri ini bekerja dalam sektor perindustrian mungkin diberhentikan sehingga hujung tahun ini," katanya.

DI SEREMBAN, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, menyifatkan pakej itu akan dapat menghapuskan keraguan semua pihak terhadap perkembangan ekonomi dunia yang tidak menentu berikutan serangan di Amerika Syarikat.

Katanya, peruntukan itu bertepatan dengan masanya kerana ada sesetengah pihak, termasuk peniaga dan usahawan mengalami keadaan yang sukar diramalkan.

DI MELAKA, kerajaan negeri berharap mendapat segera peruntukan tambahan yang diumumkan.

Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam, berkata peruntukan itu boleh digunakan oleh kerajaan negeri untuk meningkatkan promosi pelancongan di samping membaiki bangunan lama serta membina muzium sebagaimana permohonan yang pernah dikemukakan.

DI GEORGETOWN, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata langkah yang menyaksikan sektor awam sebagai penjana utama ekonomi adalah keputusan bijaksana dan tepat.

"Saya mengalu-alukan pakej untuk membina makmal komputer bagi 2,000 sekolah, melatih semua pekerja yang diberhentikan serta kursus khas teknologi maklumat (IT) bagi pemegang diploma dan ijazah.

Beliau juga yakin langkah merangsang pertumbuhan sektor swasta akan memberi tumpuan ke arah meningkatkan daya saing perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam sektor pembuatan dan perniagaan secara keseluruhan.

"Pakej mempromosi sektor pelancongan juga akan membolehkan Malaysia menangkis kesan negatif semasa, dengan menarik lebih ramai pelancong dan menggalakkan pelancongan domestik," katanya.

DI LANGKAWI, Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, berkata tindakan pantas Kerajaan Pusat melaksanakan pakej rangsangan baru untuk menjaga kepentingan ekonomi turut memberi kelebihan kepada Kedah.

Katanya, Kedah sudah mempunyai perancangan pembangunan ekonomi yang dinamik untuk menjadikan negeri itu sebagai negeri maju pada 2010 menerusi Pelan Tindakan Kedah Maju 2010.

DI MIRI, Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Dr George Chan Hong Nam, berkata peruntukan tambahan itu pasti akan memberi kesan besar terhadap pertumbuhan ekonomi negara yang kini terjejas akibat pergolakan di Amerika Syarikat.

"Peruntukan tambahan adalah besar dan kita percaya ia mampu memberi impak kepada ekonomi negara, dalam keadaan dunia yang semakin tidak

menentu ini," katanya.

(END)